



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
YANG MULIA DATO' SERI MAHARAJA TUAN HAJI KHALID BIN BONGET
SEBAGAI DATO' LEMBAGA SUKU MUNGKAL LUAK ULU MUAR
MENGENAI TUGAS DAN SUMBANGAN DALAM MEMARTABATKAN
ADAT DAN BUDAYA ADAT PERPATIH**

**DISEDIAKAN OLEH:
ZURAIDAH BINTI MOHD BASRI
NUR ZUWANA BINTI OMAR**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KHUSUS
IMR 603 – DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 05
(MAC 2012 – JULAI 2012)**

Sekapur sireh...

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kami menyiapkan transkrip ini walau pelbagai cabaran yang terpaksa kami harungi. Jutaan terima kasih kami berikan kepada Yang Mulia Dato' Seri Maharaja Tuan Haji Khalid Bin Bonget di atas kesediaan beliau untuk meluangkan masa bagi membolehkan kami menemu ramah beliau. Komitmen yang beliau berikan amat membantu kami dalam menyelesaikan transkrip wawancara ini.

Keduanya kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami yang bernama Puan Azura Bt. Abdul Jamil@Kamarudzzaman yang banyak memberikan tunjuk ajar yang berguna bagi membolehkan kami menyiapkan tugas ini dengan sempurna serta mengikut standard yang dikehendaki. Begitu juga di atas kesudian beliau untuk memeriksa kesilapan pada soalan-soalan wawancara dan transkrip kami tanpa jemu.

Yang terakhir, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga, dan semua sahabat yang tidak putus-putus memberi semangat mental dan fizikal sehingga siapnya 'Transkrip wawancara bersama Yang Mulia Dato' Seri Maharaja Tuan Haji Khalid Bin Bonget sebagai Dato' Lembaga Suku Mungkal Luak Ulu Muar mengenai tugas dan sumbangan dalam memartabatkan adat dan budaya Adat Perpatih'.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
1.0 PENGENALAN.....	
1.1 Sejarah Adat Perpatih	1
1.2 Asal-usul Adat Perpatih	1
1.3 Struktur masyarakat dalam Adat Perpatih	2
1.4 Konsep Adat Perpatih	3
1.5 Dasar Adat Perpatih	4
1.6 Prinsip-prinsip Adat Perpatih	4
1.7 Tanah Pusaka Adat	5
1.8 Kedudukan wanita dalam Adat Perpatih	5
1.9 Perbezaan Adat Perpatih dan Adat Temenggung	6
1.10 Kesimpulan	9
2.0 TRANSKRIP WAWANCARA	10
3.0 LOG WAWANCARA	61
4.0 BIODATA	
4.1 Biodata Tokoh	70
4.2 Biodata Penulis 1	72
4.3 Biodata Penulis 2	73
5.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA	74
6.0 RALAT	83
7.0 SENARAI RUJUKAN	84
8.0 LAMPIRAN	85
9.0 INDEKS	96
10.0 DIARI PENYELIDIKAN	104

Transkrip wawancara bersama Yang Mulia Dato' Seri Maharaja Tuan Haji Khalid Bin Bonget sebagai Dato' Lembaga Suku Mungkal Luak Ulu Muar mengenai tugas dan sumbangan dalam memartabatkan adat dan budaya Adat Perpatih.

Abstrak:

Zuraidah binti Mohd Basri dan Nur Zuwana binti Omar telah menemubual Yang Mulia Dato' Seri Maharaja Tuan Haji Khalid Bin Bonget sebagai Dato' Lembaga Suku Mungkal Luak Ulu Muar. Temubual ini telah dikendalikan di Teratak Za'ba di Kampung Bukit Kerdas, Daerah Jempol, 72200 Batu Kikir, Negeri Sembilan Darul Khusus pada 27 Mei 2012. Temubual selama dua jam lebih ini adalah berkenaan tugas dan sumbangan beliau dalam memartabatkan adat dan budaya Adat Perpatih. Temubual ini adalah untuk mengetahui latar belakang beliau, sejarah pendidikan, pandangan dan pendapat mengenai Adat Perpatih, serta tugas dan sumbangan beliau selama memegang jawatan sebagai Juru Rujuk Adat Perpatih Lembaga Muzium Negeri Sembilan. Jawatan ini merupakan satu-satunya jawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Sembilan. Beliau merupakan seorang yang telah banyak menyumbang dan menyebarkan kefahaman budaya Adat Perpatih yang diucap pakai dahulu, kini, esok, akan datang dan sampai bila-bila.

Kata kunci: Dato' Seri Maharaja Tuan Haji Khalid, Dato' Lembaga, Adat Perpatih

1.0 PENGENALAN

1.1 Sejarah Adat Perpatih

Pengamal Adat Perpatih sangat sinonim dengan pepatah biar mati anak, jangan mati adat kerana adat ini berkaitan dengan budaya masyarakat di Negeri Sembilan. Jika disusuri akar umbinya, Adat Perpatih dilaksanakan di Negeri Sembilan dengan kedatangan dan penghijrahan masyarakat dari Pagar Ruyung Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia ke Rembau pada abad ke-14. Adat ini dinamakan Adat Perpatih bersempena dengan nama orang yang membuat dan menyusun peraturan adat tersebut. Ia diasaskan oleh seorang pemimpin Minang bernama Sutan Balun yang juga bergelar Dato' Perpatih Nan Sebatang. Adat ini adalah amalan dan peraturan hidup yang ditentukan bagi masyarakat Minangkabau yang rata-ratanya adalah petani ketika itu. Di Malaysia, Adat Perpatih ini masih lagi wujud dan diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan sebahagian dari Melaka terutamanya Masjid Tanah. Majoriti mereka adalah keturunan Melayu Minangkabau. Daerah yang masih kuat mengamalkan Adat Perpatih ialah Daerah Rembau, Jelebu dan Kuala Pilah kerana kawasan darat dikuasai oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang.

1.2 Asal usul Adat Perpatih

Adat Perpatih berasal dari Minangkabau. Tetapi tidak 100% adat Minangkabau itu diambil. Sesungguhnya Adat Perpatih itu adalah gabungan atau jalin tiga adat iaitu

1. Adat Tuah Disakato – Adat Minangkabau
2. Adat Langkah Baru – Adat Siak
3. Adat Benar – Adat Tempatan Asli Negeri Sembilan/Adat Orang Asli.

Walaupun Adat Perpatih telah lama bertapak di Tanah Melayu, namun pengamalnya masih tidak melupakan tanah pangkal atau asal Minangkabau ibarat petiti

Loguh logak bunyi pedati
Pedati orang pergi ke Padang
Genta kobau berbunyi jua
Biar dapek sepiring pagi